

EU digesa berdialog dengan negara Asia

PULAU PINANG 13 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta Kesatuan Eropah (EU) mengadakan dialog dengan negara-negara Asia ekoran terdapat kepercayaan wujudnya tekanan kepada peranan hal ehwal dunia yang lebih besar.

Ini kata beliau berkaitan dengan sebuah kertas yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Eropah *Towards a New Asia Strategy* baru-baru ini yang disebabkan oleh bertambahnya keupayaan ekonomi Asia.

Perdana Menteri berkata, pada masa yang sama juga ia perlu kerana era Perang Dingin yang telah berakhir menyebabkan suasana rantau yang tidak selari dengan kecairan politik.

Pengurusan

Dengan sebab itu katanya, EU mesti mengadakan dialog dengan Asia dan mencari jalan untuk membabitkannya kepada pengurusan hal ehwal antarabangsa, bekerja ke arah rakan yang setaraf, berkeupayaan untuk memainkan peranan yang

konstruktif lagi stabil di dunia.

Bagaimanapun beliau tidak pasti sama ada perkara ini boleh menjadi realiti sebaliknya beliau berkata, Asia Timur tidak yakin mendapat hak yang sama rata itu.

Ketika menyampaikan ucapan utamanya di Dialog Pasifik di sini hari ini, Dr. Mahathir menegaskan, bagaimanapun Eropah Barat dan Amerika Syarikat mesti dibawa untuk terlibat dan mewujudkan ekonomi sejagat pada masa depan.

“Tanpa mengabaikan

mana-mana negara, semasa kita membajak di mana-mana ladang di mana-mana juga bahagian dunia, sasaran strategik kita adalah syarikat-syarikat Amerika Utara, Eropah dan untuk membangunkan ekonomi,” katanya.

Pengguna

Menurut Perdana Menteri, sebagaimana yang dikatakan oleh EU dan Bank Dunia pada tahun 2000 di mana terdapat 400 juta orang dengan per kapita melebihi Amerika Syarikat dan Eropah Ba-

rat, terdapat lebih banyak pengguna dengan kuasa membeli yang lebih besar.

Namun begitu katanya, ramai yang masih memikirkkan kebanyakan di bahagian lain dunia masih tidak sedar terhadap peluang di Asia Timur, dan tentunya ramai juga yang hanya ingin melihat itu sebagai gertakan Asia Timur.

Dengan sebab itu beliau berkata, Eropah tidak hanya perlu memahami kita, sebaliknya perlu memahami dan menerima kemajmukan serta menghormati satu sama lain.